

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HMT 223 – Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN: Kertas ini mengandungi **DUA** bahagian. Jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A** dan mana-mana **DUA** daripada **BAHAGIAN B**. Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya.

Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A : Jawab **SEMUA** soalan.

BAHAGIAN B: Jawab mana-mana **DUA** soalan.

BAHAGIAN A: Kedua-dua soalan daripada bahagian ini **WAJIB** dijawab.

1. Jawab [a] dan [b].

- [a] **DATA A1** dan **DATA A2** masing-masing mengandungi perkataan-perkataan dari bahasa Melayu dan bahasa Turki. Telitikan kedua-dua data tersebut dan tuliskan bahagian-bahagian kata yang dianggap bertaraf **kata, kata akar, kata dasar, kata kompleks, morfem, morfem terikat, morfem terikat mengikut kedudukan (jenis dan bentuknya), morfem derivasi dan morfem fleksi**. Tentukan **kategori leksikal (golongan kata)** bagi **kata akar** dan **kata kompleks**.

Muatkan jawapan anda ke dalam format jadual seperti yang dipaparkan sebagai contoh di bawah ini.

DATA A1

Bahasa Melayu

[i]	terjunan	[xi]	terbaru
[ii]	bergelimpangan	[xii]	mempelai
[iii]	serasi	[xiii]	mempelam
[iv]	harian	[xiv]	perhimpunan
[v]	keindahan	[xv]	dengusan
[vi]	pendeapanan	[xvi]	belahan
[vii]	kemasukan	[xvii]	mengketepikan
[viii]	pendarahan	[xviii]	memperlihatkan
[ix]	sekehendaknya	[xix]	rembatan
[x]	terhampar	[xx]	pengambilalihan

DATA A2

Bahasa Turki (O'Grady *et. al* 1997, m.s. 172)

<u>Perkataan</u>	<u>Maksud</u>
mumlar	'lilin-lilin'
toplar	'senapang-senapang'
adamlar	'lelaki-lelaki'
kitaplar	'buku-buku'

Bahasa/Bentuk bahasa	Kata	Kata akar/KL	Kata dasar	Morfem	Morfem terikat	MT berdasarkan kedudukan (jenis & bentuk)	Morfem fleksi atau derivasi	Kata Kompleks/ KL
[i]								

[90 markah]

...3/-

[b] Tunjukkan **struktur dalaman** bagi perkataan yang berikut ini melalui lakaran rajah pohon:

[i] memperlihatkan [ii] pengambilalihan

[10 markah]

2. Soalan [a] dan [b] adalah berdasarkan **DATA B** di bawah ini.

DATA B

[i]	menjemput	[xv]	memihak
[ii]	menjeling	[xvi]	menuding
[iii]	mencanai	[xvii]	merisik
[iv]	menderma	[xviii]	melibas
[v]	menciplak	[xix]	menghasut
[vi]	mengata	[xx]	mengganas
[vii]	mengumpul	[xxi]	menyaling
[viii]	mengangkut	[xxii]	mewarna
[ix]	mengampu	[xxiii]	mengantuk
[x]	mengadu		
[xi]	mengesan		
[xii]	mengurus		
[xiii]	membidas		
[xiv]	membilas		

[a] Beri takrifan alomorf. Huraikankan dengan jelas fenomena **alomorf** dalam data di atas.

[Untuk menjawab soalan ini anda mestilah menggunakan pandangan Asmah (1986/1993) dan Nik Safiah Karim *et. al* (2003)]

[80 markah]

[b] Tunjukkan persamaan dan perbezaan pandangan Asmah dan Nik Safiah Karim *et. al* berhubung dengan fenomena alomorf dalam bahasa Melayu.

[20 markah]

BAHAGIAN B: Pilih mana-mana **DUA** daripada bahagian ini.

3. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Dalam **DATA C** di bawah ini terdapat bentuk kata nama terbitan dengan apitan **peN-...-an** dan **peR-...-an**. Antaranya, ada yang boleh diterima dan ada yang tidak boleh diterima oleh penutur ibunda bahasa Melayu apabila sesuatu kata akar itu menerima salah satu bentuk imbuhan tersebut. Berdasarkan sumber bacaan yang berkaitan, kemukakan satu penjelasan terhadap kejadian bentuk-bentuk tersebut.

DATA C

[i] penyampaian
[i'] *persampaian

[iv] perbualan
[iv'] *pembualan

[ii] perhentian
[ii'] *penhentian

[v] pelaksanaan
[v'] *perlaksanaan

[iii] perlumbaan
[iii'] *pelumbaan

[30 markah]

- [b] Dalam *Nahu Melayu Mutakhir*, Asmah (1986/1993) mengemukakan adverba sebagai satu golongan kata yang utama dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pendeskripsian beliau, huraikan ciri-ciri golongan kata adverba yang terdapat dalam bahasa Melayu.

[70 markah]

4. Dalam data yang berikut ini terdapat perkataan yang dianggap sebagai kata adjektif.

DATA D

- [i] Subur-subur pokok bunga di rumahnya.
- [ii] Daging kambing itu dihiris nipis-nipis.
- [iii] Mukanya menjadi kemerah-merahan apabila ditegur oleh sekumpulan pemuda yang berada di situ.
- [iv] Keluarganya menjadi kucar-kacir sejak ibunya berkahwin lagi.
- [v] Kebakaran yang meragut tujuh beranak itu berlaku pada waktu malam yang gelap-gelita.
- [vi] Ular yang dilihatnya dalam mimpi malam tadi berwarna kuning langsung.
- [vii] Pujian-pujian itu telah menyebabkan Azmi menjadi besar kepala.
- [viii] Mukminah senang diajar sesuatu perkara kerana dia terang hati.
- [ix] Masakannya tidak sesedap masakan Ara Café.
- [x] Paras rupanya agak kecinaan.
- [xi] Warna pipinya semerah buah tomato masak.
- [xii] Penyanyi rock termasyhur itu sedang sakit.
- [xiii] Air rebusan daun mambu itu sungguh pahit.
- [xiv] Penyanyi bersuara lunak itu sudah menghasilkan berpuluh album.
- [xv] Mereka menjerit-jerit di konsert *Sure Heboh* itu sehingga suara mereka menjadi serak.
- [xvi] Mereka menganggap bahawa merekalah yang terpandai dalam ilmu itu.

Berdasarkan pemerhatian anda ke atas data tersebut, jelaskan hal yang berikut:

- [a] Kenal pasti perkataan-perkataan tersebut, bentuk-bentuknya dan senaraikan hasil penemuan anda mengikut kelompok-kelompok yang sesuai.
- [b] Huraikan pembentukan kata adjektif dalam bahasa Melayu berdasarkan data di atas.
- [c] Huraikan kriteria yang boleh digunakan untuk mengenal bahawa perkataan-perkataan tersebut ialah kata adjektif.

[100 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Merujuk kepada **DATA E1** di bawah, bincangkan

[i] operasi pembentukan kata dalam **SET A**.

[ii] operasi pembentukan kata dalam **SET B**.

Dalam huraian anda, anda mestilah menjelaskan proses morfologi yang terlibat, rumus-rumusnya, terhasilnya bentuk-bentuk yang tidak gramatis, dan maksud yang diperolehi apabila proses morfologi beraplikasi.

DATA E1

SET A

- [i] berlari-lari
- [ii] mencari-cari
- [iii] tertanya-tanya
- [iv] bermain-main
- [v] terlonjak-lonjak
- [vi] *lari-berlari
- [vii] *cari-mencari
- [viii] *tanya-tertanya
- [ix] *main-bermain
- [x] *lonjak-terlonjak

SET B

- [i] kejar-mengejar
- [ii] tegur-menegur
- [iii] baling-membaling
- [iv] jeling-menjeling
- [v] suap-menyuap
- [vi] *mengejar-kejar
- [vii] *menegur-tegur
- [viii] *membaling-baling
- [ix] *menjeling-jeling
- [x] *menyuap-suap

[40 markah]

- [b] Telitikan **DATA E2** di bawah ini dan jawab soalan yang didasarkan kepadanya.

DATA E2

[i]	kemiskinan	[vii]	terdaki	[xiii]	termurah
[ii]	kerajaan	[viii]	terendah	[xiv]	terbawa
[iii]	kehujanan	[ix]	tersepak	[xv]	terpampang
[iv]	kejawaan	[x]	tersimpan	[xvi]	keletihan
[v]	kebimbangan	[xi]	terpilih	[xvii]	keberhasilan
[vi]	kehebatan	[xii]	tercium	[xviii]	kehendak

- [i] Tentukan jenis, bentuk dan fungsi **afiks** yang terdapat dalam data di atas. Tentukan juga **kata akar** dan **golongan katanya**.
- [ii] Tentukan dan kelompokkan **kata terbitan** dalam data di atas kepada golongan katanya. Buat ujian diagnostik untuk membuktikan jawapan anda.
- [iii] Huraikan bagaimana kata-kata terbitan yang sudah dikelompokkan dan ditentukan golongan katanya itu dibentuk. (Nota: Dalam huraian anda, pastikan anda menggunakan istilah dan konsep-konsep asas bagi pembentukan sesuatu kata dengan sebaik mungkin.)

[60 markah]